

30hb September, 1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 26 TAHUN 1971¹

Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja yang terlibat sebagai peserta atau pegawai di dalam pertandingan sukan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK)

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa peraturan mengenai pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang telah dipilih sebagai peserta-peserta dan pegawai-pegawai di dalam pertandingan-pertandingan sukan yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) adalah seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeling Perkhidmatan ini.

2. Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang terpilih untuk mengambil bahagian sebagai peserta-peserta dan pegawai-pegawai di dalam pertandingan-pertandingan sukan yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan di peringkat kebangsaan adalah diluluskan cuti tak berekod menurut [Perintah Am 46 Bab 'C'](#). Pekerja-pekerja yang mengambil bahagian dalam sukan seperti tersebut di atas tidak akan dianggap sebagai menjalankan tugas jawatan masing-masing dan dengan demikian tidak layak mendapat elau-elaun dan kemudahan-kemudahan daripada pejabat masing-masing sebagai menjalankan tugas luar. Walau bagaimanapun, untuk meringankan perbelanjaan peserta-peserta dan pegawai-pegawai yang mengambil bahagian dalam pertandingan sukan, mereka boleh mendapat bantuan terhadap perbelanjaan penginapan, makan dan juga perjalanan seperti berikut:-

- (i) Elaun penginapan dan makan sebanyak \$25 sehari semalam kepada peserta-peserta dan pegawai-pegawai sukan yang datang dari tempat tinggal biasa mereka yang terletak tidak kurang daripada 20 batu daripada Pejabat Pos di mana kegiatan sukan itu diadakan. Bagi peserta-peserta dan pegawai-pegawai sukan yang datang dari tempat tinggal biasa mereka terletak dalam lingkungan 20 batu di mana kegiatan sukan itu diadakan, adalah layak dibayar sebanyak 50% daripada elau-elaun yang tersebut;
- (ii) Tambang perbelanjaan pergi dan balik tidak lebih daripada tambang keretapi Kelas II bagi peserta-peserta dan pegawai-pegawai

1. Sila lihat [SPP Bil. 11/80](#) dan SP Am Bil.3/80 untuk penjelasan dasar pemberian cuti tak berekod.

sukan yang datang dari tempat tinggal biasa mereka yang terletak tidak kurang daripada 20 batu daripada Pejabat Pos di mana kegiatan sukan itu diadakan. Peserta-peserta dan pegawai-pegawai sukan yang datang dari tempat tinggal biasanya terletak kurang daripada 20 batu adalah tidak layak mendapat tambang perjalanan ini;

- (iii) Elaun Penginapan dan makan dan tambang perjalanan ini hanya boleh dibayar bagi peserta-peserta dan pegawai-pegawai di dalam pertandingan-pertandingan MAKSAK di peringkat **kebangsaan** sahaja.
3. Segala tuntutan bagi mendapatkan kemudahan dan elau-elaun yang tersebut hendaklah dibuat mengikut peraturan yang ada sekarang yakni peserta-peserta dan pegawai-pegawai sukan dari peringkat negeri hendaklah membuat tuntutan mereka kepada pengelola di peringkat negeri.

4. Tarikh kuatkuasa pembayaran elaun dan kemudahan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah pada 1.7.1977.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)
Bahagian Gaji
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan,
Melalui: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Juru Audit Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.